PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2006

TINJAUAN KESELURUHAN

Aktiviti ekonomi mapan pada suku pertama

Momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia berterusan dengan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar meningkat 5.3% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 5.2%). Aktiviti ekonomi terus dipacu oleh sektor swasta. Sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan. Ia juga disokong seterusnya oleh prestasi sektor pertanian yang kukuh.

Pertumbuhan KDNK mapan pada S1 2006



Pertumbuhan nilai ditambah sektor perkilangan terus meningkat untuk berkembang 8% (S4 2005: 7.9%), sejajar dengan pemulihan dalam kitaran separa konduktor global. Prestasi kukuh ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam industri keluaran elektronik dan elektrik (E&E) (16.7%; S4 2005:10.5%), dengan kesemua kategori utama produk mencatat pertumbuhan. Segmen komputer khususnya, meraih manfaat daripada minat membeli yang kukuh hasil daripada harga yang lebih rendah serta permintaan terhadap komputer riba yang meningkat berikutan peningkatan kepopularan sistem tanpa wayar. Pertumbuhan nilai ditambah sektor perkilangan diperkukuh lagi oleh pengembangan industri tekstil, pakaian dan kasut yang lebih mantap (10.5%; S4 2005: 10.3%). Pengeluaran industri keluaran kimia dan petroleum juga mengembang, meskipun pada kadar yang lebih sederhana (masing-masing 4.4% dan 8.9%) disebabkan permintaan luar negeri yang lebih perlahan terhadap bahan plastik pengantara dan pengeluaran gas asli yang lebih rendah.

Sektor perkhidmatan terus berkembang 5.2%, disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan, penggunaan dan pelancongan. Yang ketara, sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; dan perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Pertumbuhan sektor pertanian kukuh dengan ketara kepada 7.3%, didorong oleh keluaran getah, koko, ikan, padi, buah-buahan dan sayur-sayuran yang lebih tinggi, yang lebih daripada mengimbangi aktiviti subsektor minyak sawit mentah yang lebih rendah. Sementara itu, sektor pembinaan dan perlombongan terus merosot. Sektor pembinaan terjejas akibat aktiviti kejuruteraan awam yang lemah dan sedikit penyederhanaan dalam permintaan terhadap harta kediaman. Kemerosotan dalam sektor perlombongan berpunca daripada pengeluaran minyak mentah termasuk kondensat yang lebih rendah (-2.2%; 724,166 tong sehari) dan gas asli (-5.9%; 5,974 juta kaki padu standard sehari).

Permintaan dalam negeri berterusan kukuh dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 7.6%. Pembentukan modal tetap kasar terus bertambah kukuh dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 11.4%. Yang penting

ialah peningkatan itu disokong terutamanya oleh aktiviti pelaburan swasta. Perusahaan-perusahaan perniagaan meningkatkan dan mengembangkan kapasiti produktif mereka, dan membuat pelaburan baru dalam aktiviti hiliran kerana didorong oleh prospek perniagaan yang lebih baik dan penggunaan kapasiti yang terus tinggi. Penunjuk pelaburan menyokong corak pelaburan yang kukuh. Import barangan modal dan jualan kenderaan perdagangan mencatat pertumbuhan dua angka yang kukuh. Pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada sektor perniagaan juga mapan. Walaupun perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan lebih rendah, pelaburan awam terus tertumpu pada projek asas seperti pembangunan pertanian dan luar bandar, utiliti awam, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Pembelian kereta penumpang yang baru, iaitu komponen penting dalam permintaan penggunaan, mencatat kemerosotan pada suku pertama memandangkan pengguna menangguhkan pembelian kerana menunggu pengumuman Dasar Automotif Negara. Pada penghujung bulan Februari, pengguna juga terjejas oleh kenaikan harga runcit bahan api dan gas. Meskipun wujudnya perkembangan ini, perbelanjaan penggunaan swasta tetap kukuh dengan peningkatan sebanyak 7.5% pada suku pertama. Penunjuk penggunaan utama lain, seperti import barangan penggunaan dan perbelanjaan kad kredit mencatat pertumbuhan yang kukuh. Walaupun diselaraskan, keadaan pembiayaan terus menyokong seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan yang berterusan bagi pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan bagi tujuan penggunaan. Tingkat penggunaan awam berterusan dengan pertumbuhan sebanyak 0.1%, mencerminkan perbelanjaan yang lebih tinggi atas emolumen dan pertahanan. Kedudukan fiskal keseluruhan mencatat lebihan sebanyak 3.8% daripada KDNK (S1 2005: +2.3% daripada KDNK) memandangkan pungutan hasil yang lebih kukuh adalah lebih daripada mengimbangi peningkatan jumlah perbelanjaan.

Kadar tahunan inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada purata 3.7% pada S1 2006 (S4 2005: 3.4%). Ini terutamanya mencerminkan kenaikan harga runcit bahan api sebanyak 18% pada 28 Februari 2006, yang menyebabkan pelarasan menaik dalam kadar inflasi pada bulan Mac kepada 4.8%. Keadaan pasaran buruh terus kukuh dengan kekosongan jawatan kekal tinggi, serta pemberhentian pekerja dan bilangan pencari kerja yang belum ditempatkan menurun lagi.

Bagi sektor luar negeri, lebihan perdagangan berkurang kepada RM25.8 bilion (S4 2005: RM28.6 bilion) dengan pertumbuhan import kasar (13.7%) lebih tinggi berbanding dengan eksport kasar (11.5%). Pertumbuhan eksport kasar didorong terutamanya oleh pertumbuhan eksport komoditi yang kukuh khususnya galian, dan pengembangan dua angka yang berterusan dalam eksport perkilangan (10.6%). Eksport perkilangan dipacu oleh keluaran berasaskan sumber dan kelengkapan pengangkutan. Secara keseluruhan, walaupun penghantaran komputer dan keluaran berkaitan komputer memberangsangkan, pertumbuhan eksport keluaran E&E adalah lebih sederhana pada 8.4% (S4 2005: 14.7%) disebabkan pertumbuhan eksport perkakas elektrik yang lebih perlahan. Pertumbuhan perolehan eksport E&E yang sederhana pada suku pertama disebabkan sebahagiannya oleh harga beberapa keluaran yang lebih rendah akibat persaingan yang sengit.

Perolehan daripada eksport galian meningkat dengan nyata sebanyak 24% disebabkan kenaikan harga tenaga yang kukuh. Harga eksport bagi minyak mentah dari Malaysia pada suku pertama berpurata pada USD65.32 setong dan gas asli cecair pula meningkat 19.6% kepada purata RM1,041 setan. Sementara itu, eksport pertanian meningkat lagi sebanyak 5%, disokong terutamanya oleh peningkatan yang ketara dalam eksport getah (48%). Peningkatan eksport getah yang kukuh dihasilkan oleh kenaikan dalam harga (43.7%). Harga getah asli lebih tinggi disebabkan permintaan global

yang kukuh daripada sektor automotif, penggantian kepada getah asli daripada getah sintetik yang lebih mahal yang diperbuat daripada petrokimia, dan pengurangan stok getah global. Walaupun jumlah eksport minyak sawit meningkat (3.5%), perolehan daripadanya merosot sedikit (-1.3%) disebabkan keseluruhannya oleh harga yang lebih rendah berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2005. Namun begitu, harga eksport minyak sawit terus menarik pada RM1,420 setan.

Import kasar lebih kukuh mencerminkan aktiviti pelaburan swasta yang lebih kukuh, perbelanjaan pengguna dalam negeri serta pengembangan input bagi eksport perkilangan yang berterusan. Import barangan modal berkembang pada kadar yang nyata tinggi sebanyak 28.8%. Permintaan luaran yang kukuh terhadap eksport komoditi dan peningkatan perjalanan antara rantau menyebabkan peningkatan dalam penghantaran kapal, pesawat udara dan keretapi. Import barangan modal tidak termasuk barangan *lumpy* ini meningkat 12.3%. Seperti yang ditunjukkan oleh import jentera untuk perkilangan, alat logam, kelengkapan pejabat dan alat penjana, turbin dan motor elektrik, pertumbuhan import adalah untuk pengembangan kapasiti dan peningkatan teknologi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Peningkatan aktiviti cari gali dan pembangunan dalam industri minyak dan gas huluan juga mendorong peningkatan import kelengkapan pembinaan dan perlombongan. Import barangan pengantara, khususnya input bagi keluaran E&E juga berkembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 8%. Import barangan penggunaan juga meningkat 14.1%, mencerminkan permintaan terhadap makanan dan minuman yang lebih tinggi untuk musim perayaan pada suku pertama.

Dalam akaun kewangan, pelaburan langsung asing (FDI) yang dikumpulkan melalui sistem Imbangan Pembayaran berdasarkan Tunai Bank Negara Malaysia, mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM0.9 bilion. Aliran masuk ini adalah menyeluruh dan disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan, perkilangan dan minyak dan gas. Perlu diambil perhatian bahawa data FDI ini hanya mengambil kira aliran kewangan yang baru dan ia tidak termasuk perolehan tertahan yang dilabur semula di Malaysia dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport. Terdapat juga aliran masuk bersih pelaburan portfolio sebanyak RM3.9 bilion. Bagi pelaburan luar negeri, terdapat aliran keluar bersih sebanyak RM1.8 bilion.

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM271.6 bilion (USD73.7 bilion) pada 31 Mac 2006. Pada 15 Mei 2006, rizab yang berjumlah RM289.5 bilion (USD78.6 bilion) adalah memadai untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh dan ialah 6.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Pada suku pertama 2006, penunjuk ekonomi terus menjurus ke arah pertumbuhan ekonomi yang mapan, disokong oleh permintaan sektor swasta yang mapan dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh di peringkat global dan serantau. Walau bagaimanapun, kadar inflasi dijangka pada paras yang tinggi untuk beberapa waktu. Oleh itu, untuk menjajarkan kadar faedah mengikut keadaan ekonomi semasa, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dinaikkan 25 mata asas kepada 3.25% pada 22 Februari 2006 dan OPR dinaikkan sebanyak 25 mata asas lagi kepada 3.50% pada 26 April 2006. Meskipun dengan dua peningkatan ini, kadar faedah terus berada di bawah paras neutral dan dengan itu, dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 2.98% - 3.25% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 2.69% - 3.01%). Berikutan kenaikan OPR pada 26 April 2006, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 3.46% - 3.50% pada tempoh 27 April hingga 26 Mei 2006. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat. Dari segi kadar faedah runcit, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank

perdagangan meningkat kepada 6.72% pada 15 Mei 2006 (S4 2005: 6.20%). Kadar disebut purata bagi deposit tetap bank perdagangan untuk tempoh matang 1 bulan ke 12 bulan juga meningkat kepada kadar antara 3.11% hingga 3.73% (S4 2005: 3.01% hingga 3.70%). Khususnya, kenaikan kadar ini jelas bagi tempoh matang 6 bulan dan 9 bulan, yang meningkat masing-masing kepada 3.31% dan 3.43% (S4 2005: masing-masing 3.04% dan 3.08%).

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta berterusan pada suku pertama 2006, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.1% (S4 2005: 9.3%). Aktiviti pemberian pinjaman bank terus kukuh, dengan jumlah pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.4% pada akhir suku pertama (S4 2005: 8.6%), didorong terutamanya oleh pinjaman sektor isi rumah yang meningkat pada kadar tahunan 14.5% (S4 2005: 15.1%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan juga terus berkembang pada kadar tahunan 2.7% (S4 2005: 3%).

Dana bersih yang diperoleh sektor awam dan swasta melalui pasaran modal berjumlah RM8 bilion pada suku pertama 2006 (S4 2005: RM12.6 bilion). Pada asas kasar, sejumlah RM10.6 bilion (S4 2005: RM15.2 bilion) diperoleh melalui pasaran PDS oleh 25 syarikat, terutamanya syarikat daripada sektor pembinaan dan perkhidmatan. Kebanyakan dana yang diperoleh (78.2%) adalah untuk pembiayaan aktiviti baru.

Wang secara kecil atau M1 berkembang pada kadar tahunan 5.7% pada akhir suku pertama (S4 2005: 8.5%), sementara wang secara luas atau M3 meningkat 6.2% (S4 2005: 8%). Kadar pertumbuhan M3 yang lebih sederhana mencerminkan terutamanya kadar kenaikan yang lebih perlahan dalam operasi luaran bersih.

Pada suku pertama 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama. Ringgit kukuh berbanding dengan dolar AS dalam keadaan prestasi perdagangan dan akaun modal yang teguh, aliran modal baru dan prospek ekonomi yang lebih cerah. Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.3% - 5.4%, manakala menambah nilai sebanyak 1.9% berbanding dengan renminbi China. Pada tempoh 1 April – 29 Mei 2006, ringgit terus kukuh berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai dalam julat 1.5% - 4.8% berbanding dengan peso Filipina, rupiah Indonesia dan renminbi China, manakala ringgit menyusut nilai dalam julat 0.2% - 1.4% berbanding dengan won Korea, dolar Singapura dan baht Thailand.

Sistem perbankan berterusan kukuh

Sistem perbankan berterusan kukuh pada suku pertama 2006. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) ialah 13.1% pada akhir Mac 2006. Keuntungan sebelum cukai pada suku itu berjumlah RM3.2 bilion. Prestasi kukuh ini disebabkan pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi yang lebih tinggi serta keuntungan bersih yang lebih tinggi daripada aktiviti urus niaga.

Kualiti aset sistem perbankan terus meningkat terutamanya dengan pinjaman bertukar kepada status berbayar, kutipan balik pinjaman yang bertambah baik dan juga disebabkan hapus kira. Dengan penurunan pinjaman tidak berbayar (NPL), nisbah NPL bersih menurun kepada 4.5% berdasarkan klasifikasi 6 bulan dan 5.7% berdasarkan klasifikasi 3 bulan, iaitu paras terendah sejak krisis kewangan Asia.

Prospek jangka masa terdekat terus positif

Pertumbuhan ekonomi global yang kukuh dan menyeluruh pada suku pertama nyata menyerlahkan daya tahan ekonomi global yang bertambah baik meskipun berhadapan dengan harga minyak yang berterusan tinggi dan penyelarasan keadaan kewangan. Ekonomi Amerika Syarikat berkembang pada kadar terpantas dalam masa 2½ tahun sebanyak 5.3% pada suku pertama, hasil

daripada aktiviti perbelanjaan dan pelaburan yang kukuh. Di Jepun, penunjuk ekonomi terus mencerminkan terutamanya pemulihan ekonomi yang stabil. Kaji Selidik Tankan menunjukkan bahawa prospek keadaan perniagaan, terutama bagi firma besar, kekal menggalakkan bagi separuh pertama tahun 2006, berikutan pertumbuhan dalam perbelanjaan modal dan guna tenaga. Di kawasan euro, pertumbuhan ekonomi bertambah kukuh kepada 2%. Pertumbuhan suku pertama di Jerman berkembang pada kadar tahunan 1.4% disokong oleh peningkatan dalam permintaan dalam negeri, khususnya dalam perbelanjaan pelaburan tetap dan perbelanjaan penggunaan akhir sektor isi rumah. Di UK, anggaran mengunjurkan bahawa ekonomi berkembang 2.2% pada suku pertama, disokong oleh pengembangan pengeluaran perkilangan dan sektor perkhidmatan. Begitu juga, pertumbuhan di rantau Asia berterusan kukuh disokong oleh peningkatan permintaan terhadap barangan elektrik dan elektronik yang telah mendorong kepada prestasi eksport yang teguh.

Prospek ekonomi global bagi tempoh selebihnya tahun 2006 dijangka terus positif. Ekonomi global kekal dalam kedudukan yang berupaya menyerap harga minyak yang tinggi. Unjuran oleh International Energy Agency mengenai permintaan terhadap minyak pada tahun 2006, iaitu faktor yang mendorong kenaikan harga, juga telah diturunkan kerana harga yang hampir mencecah paras tertinggi telah menyederhanakan sedikit permintaan. Dalam persekitaran luaran yang menggalakkan ini, pertumbuhan eksport Malaysia dijangka berterusan pada kadar dua angka pada tahun 2006, didorong oleh permintaan global terhadap separa konduktor serta perolehan eksport komoditi yang lebih tinggi. Permintaan dalam negeri juga dijangka berterusan. Peruntukan yang meningkat untuk perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan pembiayaan tambahan di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) juga dijangka menjadikan sektor pembinaan bertambah baik apabila projek baru dan pelbagai projek infrastruktur dan utiliti PFI dimulakan.

Penunjuk masa hadapan aktiviti ekonomi dalam negeri juga menjurus kepada pengembangan ekonomi yang mapan. Yang penting ialah optimisme komuniti perniagaan yang dijangka mempercepat pertumbuhan pelaburan swasta. Indeks Keyakinan Perniagaan MIER meningkat 2 mata kepada 102.5 mata pada suku pertama. Selain itu, indeks pelopor Jabatan Perangkaan Malaysia juga mencatat pertumbuhan yang menggalakkan, meskipun terdapat kenaikan harga minyak global. Kadar pertumbuhan Indeks Pelopor diselaraskan 6 bulan yang terkini pada 3.7%, memperlihatkan bahawa pertumbuhan ekonomi akan berterusan pada tempoh selebihnya tahun 2006.